

24/02/2001

Kemajuan Malaysia hasil usaha rakyat: PM

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Jumaat - Kemajuan dikecapi Malaysia kini adalah hasil kemampuan dan keberanian rakyat biasa melaksanakan perkara yang sebelumnya dianggap mustahil dilakukan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun ramai yang memberi pujian kepada beliau terhadap kemajuan dicapai itu, hakikatnya rakyatlah yang lebih banyak memainkan peranan memacu negara ke tahap sekarang.

"Banyak orang memberi pujian kepada saya kerana menggerakkan negara ini. Sebenarnya orang biasa di Malaysia yang menggerakkan negara ini lebih cepat daripada apa yang boleh kita fikirkan.

"Setiap kali, saya hanya kemukakan idea yang mudah, mereka menukarnya menjadi idea yang sofistikated dan komplikated," katanya merasmikan kilang fabrikasi wafer 1st Silicon (Malaysia) Sdn Bhd di Zon Perindustrian Bebas Samajaya, di sini hari ini.

Kilang berharga AS\$1.7 bilion (RM6.46 bilion) itu adalah pengeluaran fabrikasi wafer pertama di negara ini.

Dr Mahathir memberi contoh, ketika beliau memberi cadangan agar Pameran dan Pertunjukan Udara (Lima) diadakan di Langkawi, apa yang dimaksudkannya adalah untuk pesawat kecil.

"Kita beri tugas ini kepada syarikat tertentu. Mereka ada idea lebih besar, kini Lima menjadi salah satu pertunjukan udara utama di dunia yang mana banyak negara mempamerkan produk canggih seperti pesawat pejuang dan pesawat lain.

"Bukan saya yang kemuka idea ini, saya hanya mahu pesawat kecil, tetapi ada rakyat Malaysia salah tafsir dan melakukan ini semua," katanya.

Contoh lain ialah lumba basikal di Langkawi yang mana cadangannya cuma untuk keliling Langkawi dengan diberikan nama ala Perancis, Le Tour De Langkawi.

"Tapi mereka mahu sama taraf dengan Perancis, dari Langkawi ke seluruh negara dan pada satu ketika ke Sabah dan Sarawak juga. Kini ia menjadi salah satu acara utama dalam kalendar lumba basikal dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam membangunkan negara, rakyat harus bersedia untuk menyahut cabaran dengan melakukan perkara yang tidak diduga dapat dilakukan.

Katanya, banyak bidang yang boleh diceburi dengan semangat Malaysia Boleh. Bersandarkan semangat itu, negara akan mempunyai satu industri lebih canggih daripada yang ada hari ini atau belum dapat dilihat sekarang.

Beliau berkata, pembukaan kilang fabrikasi wafer itu adalah satu kejayaan yang amat bermakna kerana negara sedang memasuki era informasi yang mana proses pembuatan mikro cip yang biasanya dikaitkan dengan negara membangun, kini boleh disaksikan di negara ini.

(END)